

05 AUG 1997

Asean -ulangtahun (Dengan Gambar)

ULANGTAHUN ASEAN KE-30: SAMBUTAN BESAR-BESARAN DISEMUA IBUNEGARA ASEAN

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Hari ulangtahun Asean yang ke-30 Jumaat ini akan disambut secara meluas di semua ibunegara anggota-anggota persatuan serantau itu.

Perayaan itu menyusul hanya dua minggu selepas Myanmar dan Laos diterima masuk sebagai anggota penuh Asean menjadikan kesemuanya sembilan, hanya satu lagi untuk mencapai wawasan Asean 10 para pengasasnya.

Asean sekarang mengandungi Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Kemboja sepatutnya menyertai Asean bersama-sama dengan Myanmar dan Laos tetapi ditangguhkan disebabkan kekacauan politik di Phnom Penh.

Namun begitu, Asean telah menyediakan program-program untuk setahun bagi menyambut ulangtahunnya dengan tema " Asean Bersatu Masuk ke Abad ke-21".

Antaranya ialah pembukaan Liwasang Asean (Taman Asean) di Manila dan pelancaran lagu rasmi Asean "We Are One (Kita Adalah Satu)".

Di Jakarta satu Pesta Lagu Asean dan Anugerah Asean untuk Kebudayaan dan Maklumat akan diadakan pada malam sebelum hari perayaan itu.

Bagi memulakan acara pada esoknya Sekretariat Asean akan menganjurkan satu majlis yang akan dihadiri oleh Presiden Suharto yang juga dijangka menyampaikan ucapan.

Rakaman perutusan tahniah lapan ketua negara Asean yang lain termasuk Datu Seri Dr Mahathir Mohamad dari Malaysia juga akan diperdengarkan pada pertunjukkan laser dan cahaya. Acara itu akan diakhiri dengan satu persembahan hiburan bertajuk "Satu Sentuhan Asean (A Touch of Asean)".

Di Kuala Lumpur Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meraikan anggota-anggota kor diplomatik dan para pegawai kanan kementeriannya pada satu jamuan makan malam di Pusat Dagangan Dunia Putra Jumaat ini.

Menurut timbalan pengarah Asean-Malaysia, Mohd Yusof Ahmad, para tetamu juga akan diperdengarkan dengan rakaman ucapan Dr Mahathir sempena sambutan itu.

Di Manila, yang akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Peringkat Menteri Asean tahun depan, Liwasang Asean akan dirasmikan di mana satu plak peringatan yang mengandungi Deklarasi Bangkok 1967 mengenai pertubuhan Asean akan dibuka.

Singapura akan mengadakan promosi pelancongan mengenai "Temui Semula Asean". Thailand, Vietnam, Brunei and Myanmar juga akan turut serta dengan mengadakan majlis jamuan, pameran atau menyiarkan dokumentari mengenai Asean.

Sampul khas, stem kenang-kenangan, kad telefop dan juga duit syiling akan juga dikeluarkan oleh negara-negara anggota.

Kemuncak sambutan ialah satu sidang kemuncak peringatan sempena dengan Sidang kemuncak Tidak Rasmi Asean di Kuala Lumpur yang dijadualkan pada 14 hingga 16 Disember depan di mana para pemimpin Asean akan bertemu dengan rakan sejawatan mereka dari China, Jepun dan Korea Selatan.

Beberapa rakan dialog Asean juga akan menyambut perayaan itu. Amerika Syarikat, umpamanya, akan mengeluarkan sebuah penerbitan khas mengenai Asean manakala Jepun akan menganjurkan "Minggu Asean".

-- BERNAMA

ES WAT